

"KHUTBAH GERHANA BULAN"

(31 Januari 2018/ 15 Jamadil Awwal 1439)

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
قَالَ تَعَالَىٰ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Marilah kita bersama-sama, bertakwa kepada Allah dengan menjunjung segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat serta di bawah lindungan Allah Subhanahu wa-Taala.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Pada saat ini kita diperlihatkan dengan kuasa Allah yang Maha Agung iaitu kejadian gerhana bulan. Cahaya penuh purnama secara tiba-tiba hilang sedikit demi sedikit sehinggalah tiada lagi cahaya yang kelihatan. Begitulah kehebatan kekuasaan Allah Subhanahu wa-Taala yang mampu mengubah segalanya di langit dan bumi pada bila-bila masa yang tidak ada satu kuasa lain yang dapat menyekat Qada' dan Qadar.

Allah Subhanahu wa-Taala berfirman di dalam al-Qur'an menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku terhadap matahari dan bulan itu adalah di bawah tadbir Allah

Subhanahu wa-Taala. Oleh itu sujudlah kepada Allah yang mengawal dan menerbit dan menterbenamkan matahari serta bulan sebagaimana terdapat pada surah al-Fussilat ayat 37:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Yang bermaksud: *"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah sembah matahari mahupun bulan tetapi sembahlah Allah yang menciptakannya, jika kamu hendak sembah".*


Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Setiap perubahan yang berlaku terhadap cakerawala mengandungi hikmah yang tersendiri. Begitu juga perubahan yang berlaku kepada matahari dan bulan, sudah pastinya mengandungi hikmah yang tertentu, antaranya memberi peringatan agar hamba-Nya tidak melampaui batas.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud:

"Bahawasanya matahari dan bulan itu menjadi tanda kedua-duanya daripada tanda kekuasaan Allah Subhanahu wa-Taala. Allah menakutkan hamba-hamba-Nya dengan perubahan matahari dan bulan. Dan bahawasanya matahari dan bulan itu tidak berlaku gerhana kedua-duanya disebabkan kematian seseorang dari kalangan manusia. Maka apabila kamu melihat berlakunya sesuatu (gerhana matahari atau bulan), maka solatlah kamu (solat sunat gerhana) dan berdoalah kepada Allah sehingga cahaya matahari atau bulan tersingkap semula bagi kamu" (Riwayat Imam Muslim dari Abi Mas'ud al-Ansari)

Gerhana bulan merupakan amaran Allah Subhanahu wa-Taala untuk seluruh manusia agar patuh dan setia di atas titah perintah Allah Subhanahu wa-Taala dan menjauhi larangan-NYA. Gerhana bulan adalah suatu peristiwa yang menakjubkan kepada seluruh umat manusia kerana secara tiba-tiba bulan kehilangan cahayanya. Firman Allah dalam surah al-Qiyamah ayat 7-9:



Maksud: “ Maka apabila mata terbelalak(ketakutan), dan apabila bulan telah hilang cahayanya dan matahari dan bulan dikumpulkan”.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Mengikut catatan sejarah gerhana bulan berlaku beberapa kali pada hayat baginda Rasulullah SAW. Manakala gerhana matahari terjadi di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada tanggal 10 Rabiul Awal tahun ke-8 hijrah. Gerhana matahari kebetulan berlaku sewaktu kematian putera baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Ibrahim ketika usianya baru 70 hari. Gerhana matahari terjadi sekali lagi pada 10 Muharram 61 hijrah sewaktu Saidina Hazim bin Ali dibunuh.

Ahli falak Islam yang masyhur dizaman silam, Imam al-Khawarizmi berpendapat setiap dua (2) jisim yang berdekatan itu mewujudkan kesan tarik menarik di antara satu sama lain, samada kuat atau pun lemah tarikan tersebut. Oleh kerana sewaktu berlakunya gerhana matahari, matahari berada hampir dengan bumi. Pasti akan berlaku tarikan kuat dari bulan terhadap bumi yang mengakibatkan berlakunya perubahan angin yang memberi kesan kepada cuaca dan musim. Hal ini juga boleh

membawa perubahan kepada tumbuh-tumbuhan, tanam-tanaman dan benda hidup di dunia ini.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Ummul mukminin Saidatina Aishah Radhiallahuanha berkata Riwayat al-Nasai:

قَدْ جُلِّيَ عَنِ الشَّمْسِ فَخَطَبَ النَّاسَ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ إِنَّ الشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا
وَاذْكُرُوا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَقَالَ يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا
وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Yang bermaksud *"Dan sesungguhnya telah jelas cahaya matahari, maka Rasulullah SAW berkhotbah dihadapan orang ramai sambil memuji Allah SWT dan sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua daripada keagungan Allah. Gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila kamu melihat terjadi gerhana matahari atau bulan, maka hendaklah kamu mendirikan solat sunat gerhana dan bersedekah serta memperbanyak mengingati Allah. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Wahai umat Muhammad, jikalau kamu tahu apa yang aku tahu, nescaya kamu sedikit ketawa dan banyak menangis".*

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Marilah kita sama-sama menjauhi dan menghindari diri dari melakukan kemaksiatan, agar kita tidak dicampakkan kelembah kehinaan dan kebinasaan oleh Allah Subhanahu wa-Taala. Tinggalkanlah kemaksiatan sekiranya kita telah terlanjur melakukannya. Ahmad dan Salamah meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

إِذَا ظَهَرَتِ الْمَعَاصِي فِي أُمَّتِي عَمَّهُمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِعَذَابٍ مِنْ عِنْدِهِ، فَقُلْتُ
يَارَسُولَ اللَّهِ أَمَا فِيهِمْ يَوْمَئِذٍ أَنْاسٌ صَالِحُونَ قَالَ بَلَى قَالَتْ فَكَيْفَ يَصْنَعُ أَوْلِيكَ
قَالَ يَصِيهُمُ مَا أَصَابَ النَّاسَ ثُمَّ يُصِيرُونَ إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٍ

Yang Bermaksud: "Apabila berleluasa maksiat di kalangan umatku, nescaya Allah limpahkan azab di sisinya. Aku bertanya: Ya Rasulullah, sekiranya di kalangan mereka itu terdapatnya orang-orang soleh? Rasulullah SAW menjawab: Benar! Ummu Salamah bertanya: Kenapa orang yang soleh juga ditimpakan azab? Rasulullah SAW menjawab: Mereka ditimpakan azab bersama manusia yang lain kemudian mendapat keampunan Allah dan mendapat keredhaan-Nya".

Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah semoga gerhana yang berlaku ketika ini tidak mengakibatkan berlakunya perubahan angin yang boleh membawa kesan kepada cuaca dan musim di negeri kita ini serta yang boleh membawa kesan kepada perubahan tabiin tumbuh-tumbuhan dan tanam-tanaman serta kehidupan-kehidupan di bumi ini.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Ahmad bin Hambal, Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ حَبَسَ اللَّهُ تَعَالَى الرِّيحَ ثَلَاثًا لَأَفْتَنَّ مَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ.

Yang bermaksud : "Jikalau Allah SWT menahan pergerakan angin selama tiga hari, nescaya berbau busuklah diantara langit dan bumi"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ , إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا , وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ , وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ,
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ , فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

(KHUTBAH KEDUA)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا
هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا
أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ تَعَالَى:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ يُرْسِلَ الرِّيحَ مُبَشِّرَاتٍ وَلِيُذِيقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا
مِنْ فَضْلِهِ. وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Yang bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda-Nya, bahawa Ia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan; dan untuk merasakan kamu dari rahmat-Nya, dan supaya kapal belayar laju dengan perintah-Nya, dan juga supaya kamu dapat menuntut kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur”.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa-Taala , menjunjung segala perintahnya dan menjauhi akan segala larangan-NYA semoga dengan ini hidup kita di bawah lindungan Allah.

Allah Subhanahu wa-Taala berfirman dalam al-Quran surah ar-Rum ayat 46 bahawa disediakan kepada umat manusia di bumi Allah ini akan cuaca yang cukup selesa, aliran angin yang membawa berita dengan limpahan rezeki, kapal-kapal dengan muatan barang dagangan bergerak merentasi lautan menyuburkan lagi rezeki kurniaan Allah Subhanahu wa-Taala untuk dinikmati bersama. Semoga dengan pelbagai habuan yang diperolehi itu, melahirkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu wa-Taala

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Pada hari ini kita berhimpun dan berkumpul dengan penuh harapan agar doa, rayuan kita diterima Allah Subhanahu wa-Taala . Semoga Allah memulihkan cuaca gerhana bulan yang kita saksikan sekarang ini, supaya kita terus sentiasa dalam perlindungan dan rahmat Allah hendaknya. Berdoalah wahai saudara-saudaraku, semoga selepas perhimpunan ini bermulanya aliran angin yang membawa hujan dan aliran air yang mencukupi keperluan, cuaca dan peralihan musim yang lebih baik untuk dinikmati bersama.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Saad ayat 36:

فَسَخَّرْنَا لَهُ الرِّيحَ تَجْرِي بِأَمْرِهِ رُخَاءً حَيْثُ أَصَابَ

Yang bermaksud: "Maka Kami memudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang hendak ditujunya".

اللَّهُمَّ اغْفِرِ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ

Yang bermaksud: "Ya Allah ampunkanlah sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat samada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia".

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ وَيَا كَاشِفَ الْوَبَاءِ
إِصْرِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْأَمْرَاضَ وَالْأَسْقَامَ وَالْفِتْنَ وَالْمِحْنَ، وَأَزِلْ عَنَّا وَعَنْهُمْ
الشُّكُوكَ وَالْأَوْهَامَ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارَكَ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
العَالَمِينَ.